


LAPORAN TAHUNAN 1989 ANNUAL REPORT

PKINK Meneroka Khazanah Kelantan



فريدين كما جوان اقصاد نكري كالتين

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION



● Muka Depan/Front Cover

Khazanah seni dari emas, perak, seramik, kain dan mengkuang melambangkan kehalusan kemahiran kerjatangan rakyat di samping kekayaan hasil bumi negeri. Kedua-dua ini menjadi teras pembangunan Kelantan Darul Naim.

The distinctive art from gold, silver, ceramic, textile and mengkuang depicts the fine workmanship of the people besides the abundance of natural resources of the state. These two act as the basis of development of Kelantan Darul Naim.



Kandungan *Contents*

Perutusan Pengerusi

1

Message From The Chairman

7

Perlaksanaan Pembangunan

3

*Implementation of
Development*

9

Perakuan

6

Testimonial

12

Ahli-Ahli Lembaga

Board Members

13

Kumpulan Pengurusan

Management Team

14

Liputan Korporat

Corporate Splash

15

Carta-Carta

Charts

17

Intisari Kewangan

Financial Highlight

18

Perutusan Pengerusi



Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. dan merasa bangga kerana sekali lagi dapat saya membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun 1989.

Pencapaian yang memuaskan sepanjang tahun 1989 meyakinkan Perbadanan untuk menghadapi cabaran baru dalam dekad 90 an.

Keyakinan ini telah mendorong Perbadanan untuk meneroka dan memajukan apa jua sumber ekonomi yang terdapat di Negeri Kelantan. Tambahan pula petunjuk

merancang untuk melaksanakan projek-projek yang tertangguh sebelum ini. Di antara projek-projek dalam perancangan untuk perlaksanaan ialah 22 unit rumahkedai di sekitar bandar Kota Bharu, perumahan Tanjong Chat fasa II, bazar serta rumahkedai di bandar Gua Musang.

Dalam pada itu Perbadanan juga telah berjaya melaksanakan beberapa projek yang didapati berdayamaju, di antaranya, ialah projek akuakultura, pertanian,



Perumahan Binaraya Pasir Tumbuh

ekonomi didapati memaparkan petanda-petanda ke arah satu perkembangan yang kian bertambah baik. Dalam suasana peralihan ini, Perbadanan sudah tentunya tidak ingin ketinggalan dalam merebut peluang-peluang yang timbul dalam skop bidang yang diceburinya. Kadar KDNK dari 1987 (5.2%), 1988 (8.7%) ke 1989 (8.5%) dan anjuran dalam belanjawan negara bagi 1990 (9.0%) adalah di antara petunjuk yang kukuh tentang perkembangan itu.

Selaras dengan pemulihan ekonomi yang pesat, Perbadanan

perlombongan emas dan pembinaan kilang-kilang di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II.

Sepanjang tahun 1989 Perbadanan telah berjaya menyiapkan 6 buah projek. Di antara projek-projek besar termasuklah Tempat Letak Kereta Bertingkat di Kota Bharu, Kompleks Pelancongan di Pantai Cinta Berahi (Perdana Resort), 9 unit rumahkedai Pengkalan Chepa dan beberapa projek kemudahan asas infrastruktur.

Pada tahun kewangan 1989 sebanyak \$1.1 juta dibelanjakan



untuk projek-projek dalam perancangan manakala perbelanjaan terkumpul sehingga 1989 pula adalah sebanyak \$4.3 juta.

kepada bumiputera yang berpendapatan rendah untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa dan terancang. Program pembangunan Perbadanan juga

peranannya bagi mewujudkan Kelantan di zaman 2000 mengikut matlamat-matlamat yang ingin dicapai perlu berlaku sekarang.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi serta Jabatan Kerajaan dan pihak swasta di atas sokongan, bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Akhirkata, saya ingin menyampaikan penghargaan ikhlas dan ucapan terima kasih kepada pengurusan dan kakitangan Perbadanan di atas segala sumbangan dan dedikasi mereka.

Saya yakin dan turut berharap, mereka akan terus memberikan taat setia dan menjalankan tanggungjawab dengan gigih dalam menghadapi cabaran, insya Allah.



Perdana Resort

Bagi projek dalam pelaksanaan pula, perbelanjaan untuk tahun berakhir 31hb. Disember 1989 adalah sebanyak \$6.0 juta. Perbelanjaan tersebut tertumpu kepada pembinaan rumahkedai dan kilang sediabina.

Bagi projek-projek yang telah siap, sejumlah \$9.0 juta dibelanja untuk Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Kompleks Pelancongan Pantai Cinta Berahi.

Dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut Perbadanan memperoleh keuntungan sebanyak \$3.0 juta berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak \$1.2 juta.

Sasaran utama Perbadanan untuk menolong bumiputera yang berpendapatan rendah dan sederhana telah terlaksana dengan jayanya melalui kemudahan-kemudahan perumahan dan infrastruktur.

Program perumahan Perbadanan memberi peluang

melahirkan ramai kontraktor bumiputera yang memerlukan perlindungan di bawah payung Perbadanan.

Pencapaian tahun 1989 memberi perangsang kepada PKINK untuk memainkan peranan yang lebih luas dalam membangunkan ekonomi negeri Kelantan selaras dengan peranannya sebagai agensi pembangunan utama negeri ini. Langkah penyusunan semula usaha pembangunan yang dilaksanakan sejak tahun-tahun awal kemelesetan ekonomi adalah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian tersebut.

Dalam menyingkap pintu masa depannya, Perbadanan perlu meninjau seberapa jauh ke hadapan dalam ruang unjuran bagi membentuk satu visyen yang jelas tetapi pragmatik. Perancangan untuk menentukan apakah Perbadanan berjaya memainkan

**Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji
Mohamed bin Yaacob
Pengerusi
Perbadanan Kemajuan Iktisad
Negeri Kelantan**

Perlaksanaan Pembangunan

Sepanjang tahun 1989, PKINK banyak memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek yang berpotensi dan berdaya maju.

Sesuai dengan perkembangan ekonomi pada masa ini, PKINK telah mempelbagaikan lagi aktiviti ke bidang-bidang seperti pertanian, akuakultura, pelancongan, kraftangan dan perlombongan.

Projek pertanian yang telah dikenalpasti ialah projek sutera, projek kentang di kawasan Lojing, Gua Musang dan projek ternakan udang harimau di Pulau Timun, Tumpat.

Projek Ternakan Udang Harimau

Projek tersebut telah menunjukkan potensi yang baik apabila tiga buah kolam berjaya melalui ujian kesesuaian untuk penternakan udang harimau.

Sebanyak 680,000 anak udang akan dapat ditenak dalam kolam-kolam tersebut.

Projek Ubi Kentang

Percubaan awal penanaman ubi kentang telah dimulakan oleh PKINK tidak berapa lama dahulu di kawasan Lojing, Gua Musang dan hasilnya 6 jenis kentang yang sesuai ditanam dalam dua musim telah dikenalpasti.

Bagi menjayakan projek ini,

kerajaan negeri telah bersetuju supaya satu kawasan seluas 10 hektar untuk tanaman percubaan dan 400 hektar akan ditambah untuk projek tanaman ubi kentang secara komersial.

Peringkat awal percubaan tanaman itu sedang dijalankan di kawasan 10 hektar di mana peruntukan sebanyak \$89,000 telahpun diluluskan.

Dalam tahun ini, tanah yang diperuntukkan itu telah disediakan untuk tanaman dan sambil menunggu ketibaan benih dari Jerman, kegunaan tanah telah diambil manfaat dengan penanaman kobis yang juga menjadi salah satu jenis tanaman percubaan di kawasan tanah tinggi yang bersuhu dingin ini.

Projek Sutera

Seluas 405 hektar (1,000 ekar) tanah di kawasan Jeli telah dikenalpasti oleh Perbadanan untuk tanaman malberi.

Beberapa siri rundingan telah dilakukan untuk memperoleh pembiayaan Islamic Development Bank (IDB) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) di mana IDB telah menunjukkan minat untuk membiayai pembelian peralatan dan jentera manakala BPMB akan membiayai keperluan kewangan selanjutnya.

Pada konsepnya penubuhan kilang akan berlaku serentak dengan penanaman malberi kerana keluaran utama dari projek ini dirancang bukan sahaja benang



Kolam ternakan udang



Projek tanaman kobis

sutera tetapi juga lain-lain hasil keluaran dari benang sutera.

Projek Binaan

PKINK sedang menyiapkan 13 unit rumah kedai Buluh Kubu fasa IV dan kilang sediabina di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II di mana \$9.4 juta dari \$82.3 juta yang diperuntukkan telah dibelanjakan.

Projek-projek yang sudah disiapkan dalam tahun ialah Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Kompleks Pelancongan Pantai Cinta Berahi yang menelan belanja sebanyak \$9.0 juta.

Kawasan Industri

Sehingga kini, PKINK telah berjaya membangunkan enam kawasan perindustrian di seluruh negeri iaitu Pengkalan Chepa I dan II, Gua Musang, Tanah Merah, Jeli dan Kemubu.

Keseluruhan keluasan kawasan tersebut meliputi 680 hektar telahpun dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas termasuk jalan, bekalan elektrik dan air serta sistem perhubungan telefon.

Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa merangkumi kawasan seluas 400 hektar di mana 150 hektar telah dikenalpasti



Kawasan Industri Pengkalan Chepa II

sebagai pusat pembuatan barangan untuk eksport dan 250 hektar lagi untuk industri tempatan.

Setakat ini, 21 buah syarikat telah memulakan operasi di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II dan berjaya memberi pekerjaan kepada 6,000 orang pekerja dalam bidang elektronik, peralatan elektrik, tekstil, pakaian siap, lampu, makanan dan kraftangan tembikar.

Kesemua 6 kawasan perindustrian di Kelantan telah dapat memberi pekerjaan kepada 11,000 orang rakyat tempatan.

Kawasan-kawasan perindustrian ini juga berfungsi sebagai pusat-

pusat pertumbuhan ekonomi bagi negeri Kelantan.

Memandangkan pentingnya sektor tersebut, kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan kelancaran perjalanan projek-projek pembuatan yang akan dilaksanakan, iaitu melalui penubuhan sebuah agensi serenti. Sekreteriat agensi ini telah dikendalikan oleh PKINK.

Kraftangan

Dengan tujuan untuk memajukan industri batek, sebuah perkampungan batek telah persetujui untuk diwujudkan. Kerja-kerja awal perlaksanaan projek ini di Tumpat telah diselaras oleh PKINK.

Sebanyak \$100,000 telah diperuntukkan oleh Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar untuk perlaksanaan asas projek itu manakala \$4.2 juta telah dipohon dalam bentuk geran dari kerajaan pusat dalam Rancangan Malaysia ke Enam nanti.

Perbadanan juga sedang mengambilalih Syarikat Kraftangan Kelantan Sdn Bhd dari Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk memperluaskan penglibatan PKINK dalam industri kraftangan.



Rumahkedai Parit Dalam Sek. 8

Pembaharuan Bandar

Perlaksanaan pelbagai projek dalam program Pembaharuan Bandar telah mengubah wajah Kota Bharu kepada sebuah bandar moden dan indah yang masih mengekalkan ciri tradisi.

Pembangunan seksyen 7 dan 8 yang merangkumi kawasan-kawasan rumahkedai Buluh Kubu, Parit Dalam dan Bazar Buluh Kubu telah menjadi kawasan yang paling sibuk sekarang.

Sebanyak 93 unit rumahkedai dan sebuah bazar telah diduduki sepenuhnya manakala 13 unit lagi rumahkedai 3 tingkat sedang dibina untuk memenuhi permintaan yang kian bertambah.

Bangunan Kompleks Letak Kereta Bertingkat yang menelan belanja \$14.7 juta telahpun disiapkan di seksyen 9 dan dapat menempatkan 800 buah kereta pada satu masa serta menyediakan 90 buah gerai.

Pembangunan semula bandar tersebut bukan sahaja memodenkan bandar Kota Bharu tetapi juga telah memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputera untuk mendapat tempat perniagaan yang lebih strategik dan selesa.

Memandangkan permintaan yang begitu menggalakkan bagi perumahan di sekitar bandar Kota Bharu, PKINK telah mengambil

langkah untuk meneruskan projek perumahan Tanjung Chat Fasa III. Projek tersebut yang terdiri dari 89 unit rumah teres setingkat yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$3.9 juta dijangka siap di akhir tahun.

PKINK juga sedang membangunkan bandar baru Gua Musang dengan pembinaan rumahkedai, gerai, perhentian bas dan teksi serta juga lot-lot tempat letak kereta termasuk kemudahan awam yang lain.

Di dalam kawasan seluas 2 hektar di kawasan cadangan bandar baru yang terletak di lebuh raya Gua Musang - Kuala Lipis akan dibina sebuah bazar di mana struktur-struktur lain di sekitarnya akan terdiri dari hospital besar, kompleks pejabat kerajaan dan pasar besar.

Fasa I projek PKINK di bandar baru Gua Musang yang terdiri dari 36 unit gerai dan 68 unit kedai setingkat dijangka siap Disember 1990.

Projek Perlombongan Emas

Operasi melombong emas oleh PKB-MMC Sdn. Bhd., sebuah subsidiari PKB, telah mengeluarkan sejumlah kira-kira 17.5 kg emas mentah sehingga akhir tahun 1989. Gred emas yang didapati di lombong Pulau dianggarkan antara 89%

hingga 92% Au.

Pelancongan

Sektor pelancongan dalam tahun 1989 menjadi tumpuan berikutan pertambahan permintaan bilik yang melebihi daripada kadar permintaan biasa. Ini adalah hasil dari kempen Tahun Melawat Malaysia yang giat di lakukan oleh kerajaan persekutuan. Selaras dengan itu, perancangan untuk menambahkan bilangan bilik untuk Hotel Perdana sedang giat dilakukan oleh Perbadanan.

Sebuah projek peranginan bertaraf antarabangsa yang akan dikenali dengan nama Perdana Resort telah segera dimulakan perlaksanaan dalam tahun ini dengan matlamat untuk sedia memberi khidmat di awal tahun 1990. Memandangkan sekarang belum ada kemudahan seperti ini di Kelantan, projek ini dijangka dapat menambah keperluan citarasa pelancong.

Ianya merupakan sebuah pusat peranginan yang mempunyai 50 buah bilik chalet yang terdiri dari 16 buah chalet unit berseorangan, 11 buah chalet unit berkembar dan 2 buah chalet unit berderet 6 bilik bagi menampung keperluan penginapan bagi pelancong dalam dan luar negeri.



Pembaharuan Semula Bandar Kota Bharu



Perlombongan Emas Pulau

Perakuan



Encik Mazlan bin Jamaluddin
Pengurus Besar
Sri Rampaian
Sdn Bhd

“... Kami mendapat kemudahan dan kerjasama rapat dari PKINK yang boleh dianggap sebagai salah satu faktor kejayaan kami...”

Keupayaan Kilang Sri Rampaian mengeluarkan pakaian sejuk untuk dieksport adalah satu sumbangan ke arah pembangunan ekonomi khususnya untuk negeri Kelantan.

Menurut Pengurus Besarnya, Encik Mazlan bin Jamaluddin, kemudahan mendapatkan tenaga mahir dalam bidang kerjatangan halus untuk keluaran pakaian sejuk berkualiti membuka pasaran yang luas ke seluruh dunia.

Antara kemudahan yang ditawarkan oleh PKINK ialah 17

lot kilang sediabina dengan kadar sewa yang murah jika dibandingkan dengan kadar sewa di negeri-negeri lain.

PKINK juga menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur asas yang baik dan memuaskan.

Profil Syarikat:

Nama Kilang: SRI RAMPAIAN SDN BHD.
Kawasan Perusahaan Pengkalan Chepa II (FTZ)
Jenis Kilang: Pakaian
Jenis Pengeluaran: Baju Sejuk (Eksport)
Ramai Pekerja: 1,500 orang
Modal: M\$5.0 juta
Pelabur: Hong Kong & Singapura

Rohm Wako (Kelantan) Sdn. Bhd. adalah cawangan yang kedua ditubuhkan di Malaysia dengan modal pelaburan sebanyak M\$10 juta bagi mengembangkan pengeluaran komponen resistor dan diod.

Menurut Encik Masafumi Furuno, kilang elektronik ini ialah satu-satunya kilang elektronik terbesar di Kelantan kepunyaan pelabur Jepun.

Katanya lagi, keutamaan memilih kilang berpotensi di negeri Kelantan adalah berdasarkan beberapa faktor seperti kemudahan mendapatkan tenaga mahir, kos buruh yang rendah dan yang terpenting ialah kerjasama padu yang diberikan oleh PKINK.



Masafumi Furuno
Pengurus Besar
Rohm Wako (Kel)
Sdn. Bhd.

“... PKINK banyak membantu perjalanan operasi ketika menghadapi pelbagai masalah yang timbul di awal penubuhan.”

“Di samping itu, PKINK membantu menguruskan jualan tapak kilang seluas 18 ekar dan

menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur asas yang memuaskan”, tegasnya.

PKINK juga turut membantu mempercepatkan proses kelulusan mendirikan bangunan kilang dengan jabatan yang berkaitan. “Kemudahan-kemudahan yang diberikan itu telah merangsang harapan dan keyakinan kami untuk masa muka”, tegasnya lagi.

Profil Syarikat:

Nama Kilang: Rohm Wako (Kel) Sdn. Bhd.
Kawasan Perusahaan Pengkalan Chepa II (FTZ)
Jenis Kilang: Elektronik
Jenis Pengeluaran: Resistor dan Diod
Ramai Pekerja: 300 orang
Modal: M\$10 juta
Pelabur: Jepun.

Syarikat Usmeta Sdn. Bhd. telah memilih untuk menubuhkan cawangan pengeluarannya di Kelantan. Syarikat ini mengusahakan pengeluaran tayar celup dan kilangnya di Kelantan membekalkan keperluan tayar celup bagi seluruh Pantai Timur. “Perusahaan ini kami ceburi kerana masa depannya yang cerah. Tetapi di Kelantan inilah sebenarnya terdapat peluang yang semakin berkembang”, kata Encik Wan Azhar, Ketua Eksekutif USMETA. “Mengapa saya katakan berkembang? Di Kelantan ini sektor pengangkutan

menunjukkan pertumbuhan yang baik kerana keperluan pengangkutan untuk mengangkut kayu balak dan lain-lain barangan am bertambah. Pengangkutan maknanya tayar. Semua perkembangan ini adalah khusus kerana akibat perkembangan sektor industri”, jelas En. Wan Azhar lagi.

Profil Syarikat:

Nama Kilang: USMETA SDN. BHD.
Jenis Kilang: Mencelup tayar
Jenis Pengeluaran: Tayar celup untuk kenderaan ringan dan berat
Pelabur: Syarikat bumiputera.



Encik Wan Azhar bin Wan Mohd. Ali
Ketua Eksekutif,
USMETA Sdn. Bhd.

“... Disinilah sebenarnya terdapat peluang yang semakin berkembang...”

Message From The Chairman



I am thankful to Allah the Almighty and am proud to be able to produce, once again, the Annual Report for the year 1989.

The satisfactory achievement throughout the year of 1989 has made the Corporation more confident of facing new challenges of the 90's.

It is this confidence that has motivated the Corporation to explore and develop any form of economic resources and this

Corporation plans to implement the projects which had previously been shelved. Among the projects that had been planned for implementation were 22 units of shophouses within the vicinity of Kota Bharu town, the 2nd phase of Tanjong Chat housing project, Bazaar and the shophouses in the Gua Musang town.

In the meantime, the Corporation had also succeeded in implementing several projects that were found to be viable, among



Multi Storey Car Park

signifies traits towards a promising development. In this transitory environment, the Corporation certainly does not wish to be left behind in the competition to exploit the various opportunities that occur within the scope of activities that it is engaged in. The Gross Domestic Product (GDP) which increased from 1987 (5.2%), 1988 (8.7%) to 1989 (8.5%) and the estimation in the national budget for 1990 (9.0%) is one of the strong indicators of this development.

In accordance with the rapid economic recovery, the

them were aquaculture, agriculture, gold mining and the construction of factories in the Pengkalan Chepa II Industrial Area.

Throughout the year 1989, the Corporation had succeeded in completing 6 projects. Among the major projects were the Multi Storey Car Park in Kota Bharu, the Tourist Complex at Pantai Cinta Berahi (Perdana Resort), 9 units of shophouses in Pengkalan Chepa and several projects on basic infrastructural facilities.

In the financial year 1989, a sum of \$1.1 million was spent for

Antuk Sanggul Emas/Golden Hairpin

planned projects whilst the accumulated expenditure up to 1989 amounted to \$4.3 million.

As for the projects under implementation, the expenditure

Kelantan's economy in line with its role as the main development agency of the state. The restructuring of development efforts implemented since the

I am confident and also hopeful that they will continue to be loyal and will discharge their responsibilities with resoluteness in facing the challenges ahead, God willing.



Pulai Gold Mining

**Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji
Mohamed bin Yaacob
Chairman
Kelantan State Economic
Development Corporation**

for the year ending 31st December 1989 was \$6.0 million. That expenditure was mainly on construction of shophouses and ready-built factories.

For the completed projects, an amount of \$9.0 million was spent on the Multi-Storey Car Park and Pantai Cinta Berahi Tourist Complex.

Against these expenses, the Corporation made a profit of \$3.0 million compared to \$1.2 million in the previous year.

The Corporation's main thrust in assisting the low and middle income bumiputeras had been achieved through its housing and infrastructural facilities.

The Corporation's housing programmes also created many bumiputera contractors who needed the umbrella protection of the Corporation.

The achievement in 1989 has encouraged KSEDC to play a greater role in developing

earlier years of economic recession was the main factor which contributed towards this achievement.

In looking into the future, the Corporation needs to look far ahead in its projection to form a clear yet pragmatic vision. The planning to determine whether the Corporation will succeed in its role in creating Kelantan in accordance with its set goals in the years 2000 has to take place now.

On behalf of the Board of Directors, I would like to record my deepest appreciation to the State and Federal Government, agencies and Government Departments as well as the private sectors for their support, assistance and co-operation.

Last but not least, I would like to express my sincere appreciation and thanks to the management and staff of the Corporation for their dedication and contributions.

Implementation of Development

Throughout the year 1989, KSEDC had emphasised mainly on the implementation of potential and viable projects.

In line with the current development in the economy, KSEDC had diversified its activities into varied fields, such as agriculture, aquaculture, tourism, handicraft and mining.

The agricultural projects identified were the silk project, the potato project in Lojing, Gua Musang and the tiger prawn farming project in Pulau Timun, Tumpat.

Tiger Prawn Farming Project

This project had shown good potential when three farming ponds had undergone successful suitability test for prawns.

As many as 680,000 fries would be reared in these ponds.

Potato Project

The first attempt to plant potatoes was made by KSEDC recently around Lojing area, Gua Musang and it resulted in six types of potatoes being identified as suitable to be planted bi-annually.

To ensure the success of this project, the state government has agreed to assign an area of 10 hectares for experimental planting and 400 hectares will be added for the planting on commercial basis.

The initial phase of the experimental planting is being done on the 10 hectares, whereby an allocation of \$89,000 had been approved.

During the year, the allocated land had been made prepared for planting. While waiting for the arrival of the seeds from Germany, the land was used for the planting of cabbages which was also one of the crops experimented in this cool highland area.

The Silk Project

About 405 hectares (1000 acres) of land in Jeli is being identified by KSEDC for mulberry farming.

Series of negotiations had been held with the Islamic Development Bank (IDB) and Malaysian Development Bank Berhad (BPMB) to obtain sufficient funding whereby, IDB has shown interest in the financing of equipments and machinery whilst BPMB will bear the rest of the financial requirements.

Conceptually, the setting up of the factory will take place simultaneously with the planting of the mulberry trees since the main output from this project is not only silk thread but also its end products.



Aerial View of Kota Bharu



Fertilizer Ready for Mixing

Construction Project

KSEDC is in the process of completing 13 units of Buluh Kubu Phase IV shophouses and the construction of ready - built factory in the Pengkalan Chepa II Industrial Area where \$9.4 million had been spent out of \$82.3 million allocation. Completed projects for the year are the Multi-Storey Car Park and the Pantai Cinta Berahi Tourist Complex which cost \$9.0 million.

Industrial Area

To date, KSEDC had succeeded in developing six industrial areas throughout the state comprising of Pengkalan Chepa I and II, Gua Musang, Tanah Merah, Jeli and Kemubu. The total area which covers up to 680 hectares had been equipped with basic infrastructural facilities including roads, electricity and water supply as well as telecommunication system.

The Pengkalan Chepa Industrial Area comprises an area of about 400 hectares in which 150 hectares had been identified as the centre for manufacturing of products meant for export whilst



Electronic Factory

the other 250 hectares had been designated for local industry. So far, 21 companies had started operations in Pengkalan Chepa II Industrial Area and had provided employment to 6,000 workers in the fields of electronics, electrical equipment, textile, ready - made garments, lamps, food and ceramic handicrafts.

All the six industrial areas in Kelantan had managed to provide employment to about 11,000 local people. These industrial areas had also functioned as the economic growth centres for the Kelantan

state.

In view of the importance of the sector, the state government had taken steps to ensure the smooth operation of manufacturing projects that would be implemented, that is, by creating a one-stop agency. The secretariat for this agency is being run by KSEDC.

Handicraft

With the objective of promoting batek industry, a batek village was agreed to be set up. The early implementation stage of this project in Tumpat was coordinated by PKINK.

As much as \$100,000 had been allocated by the Ministry of National And Rural Development for basic implementation of the project whilst \$4.2 million had been requested in the form of grants from the federal government in the coming sixth Malaysia Plan.

KSEDC is also in the process of taking over Syarikat Kraftangan Kelantan Sdn. Bhd. from the State Government for the purpose of widening its involvement in the handicraft industry.



Tanjung Chat Housing

Urban Renewal

The implementation of various projects in the urban renewal programme had transformed the outlook of Kota Bharu to that of a modern and beautiful town that still retains its traditional features.

The development in sections 7 and 8 covering shophousing areas in Buluh Kubu, Parit Dalam and Buluh Kubu Bazaar now becomes a very busy area.

A total of 93 shophouses and a bazaar had been fully occupied whilst 13 more units of three-storey shophouses are being built to meet the increasing demand.

The Multi-Storey Car Park in section 9 which costs \$14.7 million had been completed and can accommodate 800 cars at any time as well as providing 90 stalls.

The redevelopment of the town not only had modernized Kota Bharu town but also had given opportunities to bumiputera businessmen to have access to the be more strategic and comfortable business premises.

In view of the encouraging demand for housing projects within the vicinity of Kota Bharu town, KSEDC had taken steps to continue with the Tanjong Chat

Housing Phase II project. The project which comprised of 89 units of single-storey terrace house at the building cost of \$3.9 million is expected to be completed by the end of the year.

KSEDC is also developing the new Gua Musang township with the construction of shophouses, stalls bus and taxi terminals as well as public parking areas and other public amenities.

In a 2 hectares site in the proposed new town which is situated at the Gua Musang - Kuala Lipis Highway, a bazaar will be built in which other structures surrounding it will comprise of general hospital, government office complex and central market.

The new Gua Musang Phase I project which comprises of 36 units of stalls and 68 single-storey shophouses, are expected to be completed in December 1990.

Gold Mining Project

The gold mining operation by PKB-MMC Sdn. Bhd, a subsidiary of PKB, had produced about 17.5 kg. raw gold up to the end of 1989. The grade of gold found in Pulai was estimated to be between 89% to 92% Au.

Tourism

The tourism sector in 1989 has been in the limelight an increase which resulted in the demand for hotel rooms to be above the normal level. This is the result of the Visit Malaysia Year campaign which is actively being done by the Federal Government. In line with this, the planning to increase the number of rooms for Perdana Hotel is actively being undertaken by the Corporation.

A resort project of an international standard which would be known as the Perdana Resort was speedily being implemented this year with the goal of providing services at the beginning of 1990. In view of the fact that there is no such facilities available in Kelantan, this project is expected to satisfy more of the tourist needs.

This resort consists of 50 chalets comprising 16 units for single rooms, 11 units for doubles and 2 six-roomed units terraced chalets to provide accomodation for domestic as well as foreign tourists.



Tiger Prawn Farm



Quarry Products In Road Construction

The ability of Sri Rampaian Factory to produce winter clothing to be exported for overseas market is a contribution towards economic development especially for the state of Kelantan.

According to its General Manager, Encik Mazlan bin Jamaluddin, the facility to obtain skilled labour in intricate handicraft for production of high quality winter clothing has opened the doors to the international markets all over the world.

Among other facilities

offered by KSEDG is 17 lots of ready-built factories which are rented at a lower rate compared with the rate in other states.

KSEDG also provides basic infrastructure facilities which are good and complete.

Company Profile:

Name Of Factory: SRI RAMPAIAN SDN. BHD.
Pengkalan Chepa II Industrial Area (FTZ)
Type of Factory: Clothing
Type of Product: Winter clothing (Export)
Number of Workers: 1,500 workers
Capital: M\$5.0 million
Investors: Hong Kong & Singapore.



Encik Mazlan bin Jamaluddin
General Manager
Sri Rampaian
Sdn. Bhd.

“... We receive facilities and close cooperation from KSEDG and this considered one of the factors of our success...”

Rohm Wako (Kelantan) Sdn. Bhd. is a second branch set up in Malaysia with a capital investment of M\$10 million for the expansion of production of resistor and diode components.

According to Mr. Masafumi Furuno, Rohm Wako is the biggest electronics factory in Kelantan which is owned by a Japanese investor.

He also mentioned that the choice of setting up factory operations in the state of Kelantan is based on several factors namely the availability of skilled labour, low labour costs and most importantly, the solid pledge and cooperation given by KSEDG.



Masafumi Furuno
General Manager
Rohm Wako (Kel)
Sdn. Bhd.

“...KSEDG helps a lot with the operations when we faced various problems which arise at the initial stage...”

“Besides that, KSEDG has also assisted in the selling of 18 acres of factory site and providing basic infrastructure

facilities”, he stressed.

KSEDG also assisted in speeding up the approval process for the setting up of factory building with the relevant authority.

“Those helping hands and facilities provided have given us hope and confidence for the challenging years ahead”, he stressed again.

Company Profile:

Name Of Factory: Rohm Wako (Kelantan) Sdn. Bhd.
Pengkalan Chepa II Industrial Area (FTZ)
Type of Factory: Electronic
Type of Product: Resistor and Diodes
Number of Workers: 300 workers
Capital: M\$10 million
Investors: Japanese



Encik Wan Azhar bin Wan Mohd. Ali
Chief Executive
USMETA Sdn. Bhd.

USMETA Sdn. Bhd. had chosen to set up its branch operation in Kelantan. This company is engaged in the production of retread tyres and its factory in Kelantan supplies the demand for retread tyres for the entire East Coast region.

“We involve ourselves in this business because of its good prospect. But it is in Kelantan that we found the real growing opportunity”, said Wan Azhar, USMETA’s Chief Executive.

Why did I say growing? Here in Kelantan, the growth in the transport sector is encouraging because of the increasing need for

transportation. Transport means tyres. All those expansion is especially possible because of the expansion in the industrial sector”, explained En. Wan Azhar further.

Company Profile:

Name of Factory: USMETA SDN. BHD.
Type of Factory: Manufacturing retread tyres
Type of Product: Retread tyres for light and heavy vehicles
Investors: Bumiputera Companies

“... This is where the real growing opportunity is...”

Ahli Ahli Lembaga

Board Members



Y.A.B. Tan Sri Dato'
Haji Mohammad bin Yaacob.

Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Yaacob
Menteri Besar Kelantan
Chief Minister of Kelantan

YB. Dato' Ahmad Rastom b. Hj. Ahmad Maher
Timbalan Menteri Besar Kelantan
Deputy Chief Minister of Kelantan

YB. Dato' Hj. Hassan b. Yusoff
Setiausaha Kerajaan Negeri
State Secretary

YB. Dato' Hj. Nik Ishak b. Dato' Hj. Nik Daud
Pegawai Kewangan Negeri
State Financial Officer

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Hj. Arshad b. Ayub
Pengerusi
Chairman
BAPEMA Trading Sdn. Bhd.

Y. Bhg. Dato' Ab. Rahim b. Ab. Rahman
Pengerusi
Chairman
Rahim & Co Chartered Surveyors Sdn Bhd.

**Y. Bhg. Prof. Madya Dato'
Nik Abd. Rashid b. Nik Abd. Majid.**
Fakulti Undang-Undang
Law Faculty
University Malaya

Tuan Hj. Mohd Hanafiah b. Hussein
Pengarah Wilayah MIDA
MIDA Regional Director

Tuan Hj. Subhan bin Jasmon
Pengarah Kanan Bahagian
Belanjawan Perbendaharaan Malaysia
Senior Director, Budget Division, Treasury

YB. En. Anuar b. Hj. Musa
Ahli Dewan Undangan Negeri
Member of State Assembly

En. Khairuddin b. Mohd Sari
Ketua Penolong Setiausaha
Kementerian Perusahaan Awam
Asst General Secretary
Ministry of Public Enterprises

Tuan Hj. Ismail b. Hj. Zakaria
Pengarah Eksekutif Malayan Banking Bhd.
Executive Director Malayan Banking Bhd



YB. Dato' Hj. Nik Ishak b.
Dato' Hj. Nik Daud
sehingga 29 Sept. 1989



YB. Dato Ahmad Rastom
Hj. Ahmad Maher



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr.
Hj. Arshad b. Ayub



Y. Bhg. Prof. Madya Dato'
Nik Abd. Rashid b. Nik
Abd. Majid



YB. Dato' Hj. Hassan
b. Yusoff



YB. En. Anuar b. Hj. Musa



Tuan Hj. Mohd Hanafiah b.
Hussein
sehingga 14 Nov. 1989



Y. Bhg. Dato' Ab. Rahim
Ab. Rahman.



Tuan Hj. Ismail b.
Hj. Zakaria



Tuan Hj. Subhan bin Jasmon



En. Khairuddin b. Mohd S
sehingga 30 Sept. 1989

Kumpulan Pengurusan Management Team



**Tuan Haji Jaafar
b. Abu Bakar**

Tuan Haji Jaafar b. Abu Bakar
Pengurus Besar
General Manager

Tuan Hj. Abdullah b. Mohamad
Timbalan Pengurus Besar
Deputy General Manager

Tuan Haji Abd. Rahman b. Hj. Hussin
Pengurus Akaun dan Kewangan
Manager Accounts and Finance

Tuan Hj. Hussain b. Yusoff
Pengurus Pemasaran
Manager, Marketing



Tuan Hj. Hussain b. Yusoff

Che Ani b. Kamis
Pengurus Audit Dalam
Manager, Internal Audit



**Tuan Haji Abd. Rahman b.
Hj. Hussin**

En. Nik Mustapha b. Muhammad
Pengurus Projek & Penyelarasan
Manager, Project and Coordination



**Tuan Hj. Abdullah b.
Muhammad**

En. Abd. Rahman b. Hj. Abdullah
Pengurus Pembangunan Industri
Manager, Industrial Development



**En. Nik Mustapha
b. Muhammad**

En. Nik Muhammad b. Nik Kadir
Pengurus Pentadbiran
Manager, Administration



Che Ani b. Kamis

En. Abas b. Salleh
Pengurus Hal Ehwal Korporat
Manager, Corporate Affairs



En. Nik Muhammad Nik Kadir

En. Ab. Rashid b. Ibrahim
Pengurus Penggalakan Industri
Manager, Industrial Promotion



**En. Abd. Rahman
Hj. Abdullah**



En. Abbas b. Salleh



En. Ab. Rashid Ibrahim



En. Jumodi b. Abdullah

Liputan Korporat



● Perkayuan
Timber Industry



● Perusahaan Tembakau
Tobacco Industry



● Pusat Peranginan
Resort



● Mengadun baja
Fertilizer Mixing



● Keluaran kuari
Quarry Product

Dari 20 buah syarikat di bawah Kumpulan, PKINK mempunyai lima buah subsidiari milik penuh, empat buah syarikat sekutu dan 11 buah lagi ialah syarikat-syarikat anak yang dimiliki oleh subsidiari milik penuhnya. Keseluruhannya melibatkan modal sebanyak \$101.7 juta.

Aktiviti syarikat-syarikat tersebut meliputi bidang pembinaan, pembangunan hartanah, perkayuan, perladangan getah dan kelapa sawit, perhotelan serta pusat peranginan, perlombongan, kuari dan perniagaan bahan binaan, pengiklanan, pengawetan tembakau, pembuatan sarung tangan, pengadunan baja serta makanan ternakan dan perniagaan kraftangan.

Permodalan Kelantan

Berhad ialah sayap pelaburan yang memainkan peranan amat penting dalam mengawasi keseluruhan pelaburan korporat PKINK.

Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd., sebuah ladang tunggal terbesar di Malaysia mengeluarkan getah SMR, dijangka akan menubuhkan sebuah kilang latex concentrate tidak lama lagi.

Perusahaan Tembakau Kelantan Sdn. Bhd. (PTK), sebuah syarikat yang berprestasi paling baik sejak berjaya dipulih, kini mempunyai 12 buah stesen mengawet. PTK berjaya menguasai sehingga 30% daripada jumlah tembakau yang dikeluarkan di Kelantan.

Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd., sedang mengusahakan pengeluaran balak di sebuah kawasan konsesi 12,000 hektar yang diurus secara pengeluaran berkekalani, mempunyai sebuah kilang papan moden, kemudahan mengawet, tanor pengeringan dan tidak lama lagi, akan menambah nilai tambahan ke atas pengeluarannya melalui pemerosesan kayu kumai.

Perdana Resort Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh **Hotel Perdana Sdn. Bhd.**, ialah sebuah pusat peranginan di Pantai Cinta Berahi yang membenarkan perkhidmatan bertaraf antarabangsa, telah mula khidmatnya di akhir tahun.

Kijang Kuari Sdn. Bhd., selain dari pengeluaran kuari,

menceburi aktiviti pembinaan jalan dan dalam tahun ini telah memperluaskan bidang aktiviti dengan melaksanakan kontrak pembinaan kemudahan infrastruktur untuk sebuah syarikat carigali emas di Pulau.

Binaraya PKINK Sdn. Bhd., berjaya memperkenalkan rekabentuk-rekabentuk terbaru dalam program perumahannya dan dijangka akan muncul kembali dengan lebih aktif selaras dengan pemulihan sektor hartanah terutama di akhir tahun.

Kelantan Baja Corporation Sdn. Bhd., yang telah diamanahkan kepada pengurusan baru dijangka akan dipulihkan seberapa awal dalam tempoh dua tahun. Usaha-usaha mereka telah menunjukkan tanda-tanda positif iaitu dengan pencapaian tahap keuntungan yang memuaskan.

Kelkon Sdn. Bhd., sebuah syarikat binaan yang terus mendapat pengiktiratan dengan mendapat beberapa kontrak bernilai tinggi dan sentiasa mempunyai kerja kontrak yang cukup, kini sedang menyiapkan sebuah jambatan yang akan menghubungkan Kota Bharu dengan Pasir Mas.

Prokel Management Sdn. Bhd., sedang membuat kajian terperinci untuk mengemukakan secara langsung keupayaan perkhidmatan mekanikal dan akan menjadi syarikat terulung yang menyediakan perkhidmatan pengurusan bangunan yang menyeluruh apabila dilaksanakan nanti.

Out of the 20 companies in the Group, KSEDC has 5 wholly-owned subsidiaries, 4 associated companies and the other 11 companies are subsidiaries of the wholly-owned subsidiaries. As a whole, it involves a paid-up capital of \$101.7 million.

The Company's activities cover such areas as land and property development, logging and timber processing, palm oil and rubber plantations, hotel and resort, mining, quarrying, hardware trading, tobacco curing, manufacturing latex gloves, fertilizer blending, animal feed milling and handicraft business.

Permodalan Kelantan

